

## **PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN 'CONDITIONING'**

### **1. PENGENALAN KEPADA MODUL**

Modul ini dibentuk bagi memenuhi kepada keperluan semasa Pengurusan Kepenjaran yang semakin mencabar dengan perkembangan teknologi dan perubahan masa, begitu juga perubahan kepada cara pemikiran pesalah-pesalah yang di tahan.

Peningkatan kepada jumlah kes-kes penyeludupan artikel larangan dan penglibatan anggota dalam kejadian akan menimbulkan persepsi yang tidak menyenangkan dikalangan masyarakat dan stake-holder. Banyak kes penyeludupan yang berlaku melibatkan keadaan dimana anggota tidak sedar bahawa mereka dipergunakan oleh banduan samada secara terus atau tidak.

Adalah diharapkan dengan mengenalkan modul kursus 'conditioning' (pengikatan) kepada Pengurusan kepenjaran, ianya akan dapat membantu dikalangan semua peringkat anggota bagaimana orang banduan secara langsung atau tidak mengambil kesempatan ke atas mereka. Kesedaran dan kepekaan ini dapat mengelakan mereka dari terjerumus dalam kejadian-kejadian penyeludupan artikel larangan yang boleh mencemar kredibiliti dan imej jabatan dimata masyarakat.

### **2. KONSEP**

Pendekatan penyampaian modul ini menggunakan kaedah ceramah, kajian kes dan simulasi ringkas.

### **3. TUJUAN**

Membentuk satu pendekatan latihan yang lebih praktikal dengan bidang tugas anggota supaya mereka dengan mudah dapat memahami konsep-konsep "Conditioning" (pengikatan) yang diamalkan oleh banduan untuk mempengaruhi anggota supaya anggota terikat dengan kehendak mereka yang bertentangan dengan prosedur perundangan.

### **4. OBJEKTIF**

1. Untuk membentuk kefahaman yang mampu menghalang anggota daripada terlibat dalam penyeludupan artikel larangan.
2. Memahami anggota tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh banduan bagi mempengaruhi / memanipulasi mereka untuk terlibat sebagai perantara dalam kejadian-kejadian penyeludupan.

### **5. KANDUNGAN MODUL**

#### **5.1 SEJARAH RINGKAS "CONDITIONING"**

Modul "conditioning" merupakan modul terpenting yang di ajar kepada anggota penjara yang bertugas dengan 'HM Prison Service' di United Kingdom. Bagi pihak pengurusan Penjara Di UK, mereka berpendapat bahawa anggota yang bertugas perlu memahami kaedah-kaedah yang diamalkan oleh banduan untuk mengikat "conditioning" anggota penjara sehingga mereka terpengaruh dan mengikut telunjuk banduan.

Melalui lawatan kerja yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia Operasi, Dato' Haji Zulkifli b. Omar dan 2 orang Pengarah Penjara Malaysia iaitu Tuan Jamaluddin b. Saad dan Tuan Kushairi b. Manap, pihak pengurusan Penjara UK telah memperkenalkan modul "Conditioning". Melalui penerangan yang diperolehi didapati modul ini dapat digunapakai bagi dijadikan modul khas untuk tujuan pembelajaran. Modul "Conditioning" disasarkan kepada 3 peringkat anggota iaitu :

- i. Pengurusan Atasan - Penguasa dan ke atas
- ii. Penyelia - Inspektor hingga Timbalan Penguasa
- iii. Peringkat Rendah - Sub Inspektor dan ke bawah

Seterusnya pada 16 Jun 2008 satu bengkel bagi pembentukan "Modul Conditioning" telah diadakan .

## 5.2 PENGENALAN KEPADA "MODUL CONDITIONING"

Apakah "Conditioning"?

Dalam kursus ini kita akan membincangkan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh banduan bagi mempengaruhi anggota untuk dijadikan agen dalam penyeludupan artikal larangan. Keseluruhan proses ini dinamakan '**conditioning / pengikatan**'.

### Apakah Elemen-elemen Penting Dalam Conditioning

1. Pemerhatian (Observing)
2. Mendengar ( Listening)
3. Mencari / menetapkan sasaran (Targeting)
4. Menguji sasaran (Testing)
  - Berbincang, berbual

5. Mendekati (Approaching)
  - Mengenalpasti minat, kekeluargaan
  - Memberi khidmat / bakti kepada anggota
6. Memisahkan (Splitting) anggota dari kumpulan anggota yang lain (senang untuk mempengaruhi)
7. Wujudkan rangkaian (networking)

### **5.3 ADAKAH KURSUS CONDITIONING RELEVAN DENGAN KEHENDAK JABATAN PENJARA MASA KINI.**

Peredaran masa turut membawa kepada perubahan persekitaran. Manusia bagi menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran juga turut berubah. Perubahan yang berlaku ke atas manusia melibatkan perubahan dari segi tahap dan cara pemikiran mereka. Arus perubahan ini juga turut mempengaruhi institusi kepenjaraan.

Dalam Pengurusan Kepenjaraan, banduan atau tahanan yang ditempatkan dalam penjara juga turut berubah dari segi keperluan dan cara berfikir untuk bertindak atau melakukan sesuatu. Keujudan telefon bimbit dalam sistem komunikasi (*yang kini menjadi satu keperluan bukan lagi barangan mewah*) juga turut memberi kesan dalam pengurusan pesalah. Peningkatan kemasukan kalangan pesalah yang berhubung kait dengan penyalahgunaan dadah juga turut meningkat, kedua-dua keadaan ini memberikan impak yang jelas dalam cabaran penyeludupan artikal larangan ke dalam penjara.

Apa yang menjadi persoalan utama ialah apabila terdapat kalangan anggota sendiri yang turut terlibat dalam kegiatan menyeludup artikal larangan ini. Masalah ini seterusnya turut mengugat kecekapan perkhidmatan dalam melaksanakan program-program pemulihan pesalah dengan berkesan. Bagi menangani dilema ini, telah sampai masanya untuk kita, anggota-anggota Perkhidmatan

Penjara memberikan perhatian yang serius terhadap insiden-insiden penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara.

Walaupun penguatkuasaan dipertingkatkan dengan pemeriksaan yang lebih rapi dan penggunaan teknologi terkini, namun mereka yang terlibat dengan penyeludupan masih berani melanggar peraturan dengan mengubah modus operandi mereka bagi melepasi tahap kawalan dan penguatkuasaan. Selain penguatkuasaan yang tegas, kursus dan latihan berbentuk integriti dan motivasi diteruskan, bagaimanapun anggota perlu didedahkan kepada realiti sebenar dengan cabaran-cabaran dalam menguruskan pesalah secara berhadapan.

Melalui Modul 'Conditioning' yang memberi pengetahuan terbaru tentang bagaimana banduan mengikat anggota. Modul "conditioning" ini diharap dapat membentuk satu kemahiran dikalangan anggota yang mampu menjadi tembok penghalang agar mereka tidak dapat dipergunakan oleh banduan sebagai tali barut mereka.

## **6 ELEMEN-ELEMEN PENTING DALAM "CONDITIONING"**

### **6.1 PEMERHATIAN (OBSERVING)**

#### **6.1.1 Definisi**

Mengikut kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka "Pemerhatian" adalah bermaksud mengamati sesuatu. "Pemerhatian" adalah satu pemerlakuan manusia yang menilai sesuatu keadaan benda atau kejadian di sesuatu tempat. Melalui proses pemerhatian, seseorang

akan dapat membaca atau mentafsir kekuatan dan juga kelemahan individu yang boleh dipergunakan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam konteks 'conditioning', pemerhatian yang dilakukan oleh banduan atau tahanan sangat penting diketahui dan difahami oleh anggota supaya kita dapat mengelakkan diri daripada dijadikan alat oleh banduan dan tahanan daripada melakukan aktiviti yang tidak sihat.

### 6.1.2 Istilah-istilah yang digunakan oleh Banduan

- a. *Usyar* ialah perbuatan yang digunakan untuk memantau pergerakan anggota.
- b. *Lai-liau* ialah bahasa yang digunakan sebagai isyarat untuk memaklumkan kedatangan pegawai atau anggota yang tidak diingini ( anggota yang kerja ikut prosedur ).
- c. *Jaga air* ialah banduan yang ditugaskan untuk mengawasi pergerakan anggota semasa banduan sedang melakukan aktiviti yang tidak sihat seperti merokok, *packing* dadah dan lain-lain.
- d. *Air penuh* ialah bahasa isyarat yang diguna pakai untuk menunjukkan kerja sudah selesai.
- e. *Air panas* ialah bahasa isyarat yang digunakan untuk memberi maklumat kepada banduan lain bahawa anggota yang tegas dan

tidak bertolak ansur semasa menjalankan tugas sedang membuat rondaan ( anggota yang mengikut prosedur ).

- f. *Lineclear / air sejuk* merupakan bahasa isyarat yang digunakan untuk menunjukkan bahawa anggota yang bertugas tidak peka terhadap tugas dan membiarkan banduan melakukan apa sahaja yang mereka suka.
- g. *Taukeh* merupakan individu yang bertindak sebagai mastermind dalam kegiatan penyeludupan.
- h. *Balachi/ runner / kapcha* merupakan orang suruhan mastermind dalam melaksanakan penyeludupan
- i. *Kereta / nyawa / minyak* merupakan istilah bagi telefon bimbit.
- j. *Barang / Panas / Ubat* merupakan istilah bagi heroin
- k. *Sejuk/ ice baby* merupakan istilah bagi shabu
- l. *Karter / hijau / daun* merupakan istilah ganja
- m. *Habuk / Urat* merupakan istilah bagi tembakau
- n. *Keping / lipan* merupakan istilah bagi duit
- o. *Kapal* merupakan istilah bagi penyeludup
- p. *Kapal tenggelam* merupakan istilah bagi anggota yang ditangkap atau gagal dalam penyeludupan
- q. *Hantu* merupakan istilah bagi pemberi maklumat
- r. *Petik* merupakan istilah bagi memecahkan maklumat
- s. *Gula* merupakan istilah bagi anggota yang mengedar artikel larangan
- t. *Roket* merupakan istilah bagi menyeludup melalui rektum

- u. *Bom / barrel* merupakan istilah bagi artikel larangan yang boleh dimasukkan dalam rektum atau ditelan.
- v. *Bundle* merupakan istilah bagi bungkusan untuk dibaling dari kawasan luar penjara
- w. *Tudung* merupakan istilah bagi menyukat dadah menggunakan penutup ubat gigi
- x. *Kuci / biji / cun* merupakan istilah bagi tiub kecil dadah
- y. *Teksi* merupakan istilah bagi orang perantaraan untuk membawa barang
- z. *Laptop* merupakan istilah bagi buku akaun banduan
- å. *Cek* merupakan istilah bagi nota untuk mendapatkan wang
- ä. *Tembak* merupakan istilah bagi cara pembayaran melalui akaun

### 6.1.3 Kaedah pemerhatian yang digunakan oleh banduan

- a. Melihat pergerakan anggota – banduan memantau keaktifan anggota bertugas. Ada anggota yang bila bekerja asyik duduk sahaja, ada yang suka meninggalkan tempat tugas dan ada yang sekada hadir bekerja tetapi tidak membantu dalam proses pemulihan dan menjaga keselamatan serta membuat pemeriksaan. Manakala terdapat juga anggota yang peka dengan bidang tugas mereka dan dibimbangi oleh orang banduan.
- b. Memerhati perbualan anggota – banduan memerhati bahasa tubuh semasa anggota berbual. Melalui perbualan seseorang tanpa

disedari akan menonjolkan ethika hidup mereka yang sebenar melalui aspirasi wajah, pergerakan badan dan antonasi suara yang melambangkan keadaan semasa mereka samada suka, duka, sedih dan sebagainya.

- c. Melihat cara kerja anggota – banduan menilai kualiti kerja anggota samada dari segi sikapnya tegas atau boleh bertolak ansur, mudah atau susah untuk dipengaruhi dan bekerja sambil lewa sahaja. Oleh itu kita dapat lihat ada dikalangan anggota yang tidak pernah membuat tangkapan walaupun sudah bertahun-tahun bekerja. Malah ada juga anggota yang tidak berani menegur dan menasihati banduan.
- d. Memerhati individu bertugas – Perhatian khas diberikan kepada anggota tertentu yang memiliki ciri-ciri yang mudah dipengaruhi. Misalnya mudah disuruh, mudah simpati, tidak bertanggungjawab, mudah percaya pada fitnah, mudah dihasut dan tidak memahami bidang tugas dan tanggungjawab yang diberi. Melalui konsep memfokuskan kepada individu, strategi mereka untuk mencari sasaran lebih tersusun.
- e. Melihat atur tugas – Pemerhatian kepada pusingan tugas anggota membolehkan banduan memahami percaturan tugas kakitangan yang disusun untuk bertugas. Perlu disedari bahawa apabila banduan telah dapat membaca kaedah penyusunan ditil bermakna mereka telah berada satu langkah dihadapan anggota penjara.

Penguasaan ini akan memudahkan perancangan dibuat oleh banduan untuk mematahkan strategi penguatkuasaan oleh anggota penjara.

- f. Memerhati jadual aktiviti harian blok – Jadual aktiviti harian, mingguan dan bulanan bagi blok atau bangunan penempatan banduan biasanya telah ditetapkan. Melalui pemerhatian yang dibuat, banduan akan dapat mengetahui tugas anggota dan mengetahui saat paling longgar kawalan keselamatan yang dibuat kerana terlalu banyak aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh anggota yang bertugas. Dengan cara ini banduan dapat menyusun aktiviti mereka sendiri mengikut penyesuaian dengan jadual aktiviti blok yang ditetapkan.
- g. Kecenderungan anggota – Semua orang mempunyai minat dan kecenderungan tertentu. Tanpa kita sedari bahawa kecenderungan kita ke atas sesuatu aktiviti yang kita minat dapat dinilai oleh pihak lain hanya melalui pemerhatian yang dibuat. Misalnya kecenderungan seseorang untuk melakukan ibadat sembahyang dapat dilihat melalui tanda di dahi bagi orang islam, kaki ekor biasanya akan mengaitkan sesuatu yang kejadian yang berlaku dengan nombor, kaki judi suka bertaruh di mana-mana sahaja; begitu juga dengan kaki betina yang tidak segan bercakap tentang zina. Oleh itu secara tidak langsung melalui pemerhatian yang dibuat, banduan boleh mentafsir minat dan hobi seseorang.

Pengetahuan dan minat adalah sangat penting dalam konsep "conditioning" dikalangan banduan untuk mereka menarik anggota mengikut telunjuk mereka.

#### **6.1.4 Siapa yang terlibat**

##### **a. Banduan dan Tahanan.**

- i) Ketua Banduan kerja blok (Checker) adalah seorang banduan yang menjadi ketua kepada banduan kerja.
- ii) Banduan kerja kebersihan adalah satu kumpulan banduan yang ditugaskan melakukan kerja pembersihan di dalam dan luar blok.
- iii) Tukang gunting adalah banduan yang ditugaskan untuk melakukan kerja menggunting rambut banduan.
- iv) Banduan kerja dapur ialah banduan yang ditugaskan bekerja di dapur dan ditugaskan menghantar ration ke blok-blok.
- v) Banduan kerja kantin ialah banduan yang ditugaskan untuk melakukan kerja dikantin anggota termasuk menyediakan makanan untuk anggota.
- vi) Banduan pra-bebas ialah banduan yang hampir dibebaskan dan dibenarkan bekerja di luar kawasan penjara.
- vii) Banduan kerja bengkel ialah banduan yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja di bengkel vokasional seperti bengkel kimpalan, perabot dan lain-lain.

- viii) Blue suit ialah banduan peringkat khas yang dibenarkan bergerak tanpa kawalan di dalam penjara untuk membantu mengiring banduan di dalam penjara.

### **6.1.5 Masa kejadian berlaku**

- a. Sepanjang masa bertugas
  - i) Waktu pagi pada kebiasaannya berlaku semasa pergerakan banduan-banduan ke bengkel, pejabat rekod, rawatan dan mahkamah. Ketika ini jangkauan ruang pemerhatian banduan akan menjadi lebih besar dan memudahkan mereka merumus peluang keemasan yang dapat mereka pergunakan.
  - ii) Waktu tengah hari di mana semua banduan diarahkan masuk bilik kecuali banduan kerja sahaja yang dibenarkan berada di luar bilik. Apabila bilangan banduan terhad, peluang banduan untuk berkomunikasi dengan staf lebih meluas. Saat inilah ruang dan peluang akan lebih terbuka.
  - iii) Waktu petang adalah ketika banduan beriadah, banduan balik kerja bengkel dan waktu hantaran catuan. Waktu sebegini anggota menjadi lebih sibuk dengan tugas mereka. Ruang yang ada akan cuba diintai oleh banduan untuk diambil kesempatan.
  - iv) Waktu malam – Walaupun waktu malam tiada pergerakan banduan berlaku tetapi kakitangan yang bertugas adalah

terhad. Ketika ini banduan akan cuba memerhati dan mengenalpasti anggota yang bertugas. Jika didapati dalam pengamatan mereka anggota yang bertugas tersebut boleh dipengaruhi, mereka akan memanggil dan cuba menyampaikan sesuatu perkara yang mereka hajati.

#### **6.1.6 Di mana kejadian berlaku**

- a. Di bilik / meja pegawai – semasa banduan membersihkan bilik atau dipanggil oleh pegawai untuk tugas-tugas tertentu di bilik / mejanya
- b. Blok penempatan banduan
- c. Masa pengiringan:
  - i) ke hospital
  - ii) ke mahkamah
  - iii) ke bengkel
  - iv) perjumpaan

#### **6.1.7 Bagaimana berlaku**

Banduan akan mencari ruang dan peluang yang terbuka semasa aktiviti berikut :

- a. Waktu banduan menjalankan aktiviti harian iaitu dari waktu kiraan muster pagi sehinggalah waktu muster jam 6.00 petang. Melalui aktiviti harian ini, mereka akan memerhati ruang dan peluang yang

boleh dicuri, dimanipulasi dan dipergunakan dengan mudah bagi mencapai niat jahat mereka.

- b. Melalui Perbualan di antara anggota, banduan akan mengambil kesempatan untuk memerhati pergerakan tubuh, air muka dan isyarat tertentu yang dihasilkan oleh pergerakan badan yang boleh ditafsirkan melalui pandangan apakah pergolakan yang berlaku di dalam jiwa mereka samada baik mahupun buruk.
- c. Kaedah Pemerhatian juga digunapakai oleh orang banduan untuk mencuri dengar perbualan di antara sesama banduan. Situasi ini menyebabkan mereka dapat menilai banduan lain yang disyaki menjadi hantu dan tidak boleh dipercayai.
- d. Teknik dengan sengaja banduan melanggar anggota bagi mengenalpasti tindak balas yang akan dilakukan terhadapnya oleh anggota. Secara tidak langsung kejadian ini boleh menguji tingkahlaku anggota samada agresif ataupun pasif.
- e. Ianya juga berlaku apabila banduan pandai mengambil hati anggota bertugas dengan menawarkan perkhidmatan mengurut dan mengambil kesempatan untuk menyoal tentang latar belakang anggota berkenaan.
- f. Banduan akan berlakon baik dan melakukan pelbagai kerja tanpa disuruh supaya ia mudah dipercayai dan disenangi oleh anggota. Dalam masa yang sama ia memperolehi peluang memerhati anggota dengan mudah dan selamat dari disyaki.

### **6.1.8 Kesimpulan**

Pengetahuan tentang pemerhatian adalah sangat penting diketahui dan difahami oleh semua anggota supaya dapat mengenali dan mengetahui tingkah laku banduan yang sebenarnya. Melalui pemerhatian, banduan boleh membaca pemikiran anggota yang bertugas untuk dieksploitasikan bagi kepentingan dirinya. Dengan pendedahan ini juga, anggota akan dapat mengesan keadaan bahawa dirinya berada di bawah pemerhatian banduan yang berkemungkinan untuk direkrut bagi terlibat dengan penyeludupan artikel larangan. Oleh itu, anggota hendaklah sentiasa peka dan dapat menilai tingkah laku banduan serta tujuan sebenar mereka melakukan sesuatu perkara.

## **6.2 MENDENGAR (LISTENING)**

### **6.2.1 Pengenalan**

Kaedah dan pendekatan kedua yang digunakan oleh banduan atau tahanan dalam proses 'conditioning' adalah kaedah mendengar. Proses mendengar ini berlaku serentak semasa proses pemerhatian dilakukan oleh banduan atau tahanan terhadap seseorang anggota bagi mengenalpasti samada seseorang anggota itu boleh atau tidak dijadikan bahan atau alat untuk kepentingan mereka. Banduan atau tahanan akan mengumpul seberapa banyak maklumat melalui proses mendengar untuk mengenalpasti kelemahan seseorang anggota. Dengan itu senanglah bagi mereka untuk merancang tindakan seterusnya bagi menjerat anggota tersebut.

### **6.2.2 Definisi**

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, "Mendengar" bermaksud menangkap bunyi suara dengan telinga atau mendapat tahu atau memberikan perhatian kepada kata-kata seseorang.

Mendengar dalam konteks '*conditioning*' adalah satu proses di mana banduan mendapatkan maklumat-maklumat penting yang diperlukan untuk merancang kegiatan mereka di dalam penjara.

### 6.2.3 Siapa yang terlibat

Banduan atau Tahanan yang ditugaskan oleh sekumpulan atau seorang tahanan lain yang berpengaruh di blok berkenaan. Banduan atau tahanan tersebut akan menggunakan kemahirannya bagi mendekati anggota yang sedang berbual atau mengajak anggota untuk berbual. Mereka ini terdiri daripada banduan atau tahanan kerja kebersihan kawasan atau mana-mana banduan yang bebas bergerak dalam blok serta dipercayai oleh anggota. Ciri banduan atau tahanan yang terlibat :

- a) Banduan atau tahanan yang berpewatakan lembut dan mahir menyesuaikan diri dengan kehendak pegawai.
- b) Banduan atau anggota yang nampak baik dan telah diberi harapan serta kepercayaan.
- c) Banduan atau tahanan yang suka menolong atau membantu anggota menyelesaikan tugas dalam kawasan penempatan mereka. Mereka akan memberi cadangan dan bertanya banyak perkara dengan tujuan memudahkan kerja yang mereka hendak laksanakan. Dengan tindakan ini mereka dapat berbual panjang dan tanpa disedari sesuatu yang perlu dirahsiakan terdedah tanpa disengajakan kepada banduan.

- d) Banduan atau tahanan yang peramah. Banduan jenis ini akan sentiasa mengajak anggota untuk berbual-bual kosong dari satu topik kepada topik yang lain. Melalui perbualan tersebut anggota akan terlupa untuk meronda dan melaksanakan tugas mereka serta ada yang mengarahkan banduan mengambil alih tugas. Keadaan ini dapat dipergunakan oleh banduan lain yang menunggu masa untuk melakukan sesuatu yang buruk.
- e) Banduan atau tahanan yang disenangi oleh banduan atau tahanan lain. Di dalam penjara apabila ada banduan yang disenangi atau disukai oleh banduan lain, mereka ini biasanya mempunyai kemahiran melaksanakan tugas yang diminta oleh banduan misalnya mempengaruhi anggota penjara melonggarkan kawalan, memohon aktiviti tertentu dan sebagainya.
- f) Banduan atau tahanan yang periang . Orang yang tabiatnya begini disenangi oleh semua orang. Tetapi dikalangan banduan yang periang di dalam penjara akan dipergunakan oleh taukeh-taukeh untuk menjadi agen mereka mendengar sesuatu dan diarah merapatkan diri dengan anggota penjara. Mereka yang dengan mudah dapat menyesuaikan diri dengan anggota dapat memainkan peranan seperti mana yang dikehendaki oleh taukeh.
- g) Banduan atau tahanan yang suka menghampiri anggota. Memanglah aspek yang perlu dikenalpasti bahawa tabiat banduan akan cuba merapati dan berbaik dengan anggota. Melalui teknik ini

banduan akan memperolehi sedikit kemudahan dan keistimewaan. Manakala bagi kalangan banduan yang tidak berpeluang memperolehi kesempatan ini, mereka akan mempengaruhi banduan lain yang dapat berbaik dengan anggota supaya mengambil peluang mendengar perbualan anggota dan seterusnya menyalurkan maklumat penting yang didengar kepada 'taukeh-taukeh' yang mengurus niaga di dalam penjara.

#### **6.2.4 Masa kejadian berlaku**

Proses mendengar yang dilakukan oleh banduan atau tahanan berlaku sepanjang masa. Fokus mendengar banduan lebih menjurus kepada anggota bertugas yang dijadikan 'target' ataupun yang baru hendak dikenalpasti. Masa bertugas yang menjadi perhatian iaitu:

- i) Waktu pagi ketika kebiasaannya berlaku pergerakan banduan-banduan ke bengkel, pejabat rekod, rawatan dan mahkamah.
- ii) Waktu tengah hari ketika aktiviti di dalam blok atau penempatan banduan ditutup antara jam 12.00 tengahari hingga jam 2.00 petang di mana banduan yang lain-lain masuk bilik; ketika itu banduan kerja sahaja yang dibenarkan berada di luar bilik.
- iii) Waktu petang adalah ketika banduan beriadah, banduan balik kerja bengkel dan waktu hantaran catuan. Ketika ini banyak pergerakan berlaku dan banduan akan dapat mendengar banyak cerita-cerita yang dibualkan.

- iv) Waktu malam – ketika ini tidak banyak aktiviti yang berlaku kerana banduan terkurung di dalam bilik masing-masing. Bagi banduan pada waktu malam mereka boleh mencuri dengar perbualan anggota yang membuat rondaan. Pada waktu malam banduan akan cuba mengenalpasti anggota yang bertugas dan mengatur urusan dengan anggota yang mempunyai urusan dengan mereka.

#### **6.2.5 Dimana kejadian berlaku**

- a) Di bilik / meja pegawai
- b) Blok penempatan banduan
- c) Masa pengiringan
  - i) ke hospital
  - ii) ke mahkamah
  - iii) ke bengkel
  - iv) perjumpaan
- d) Surau dalam penjara
- e) Bilik / tempat runding cara

#### **6.2.6 Bagaimana berlaku**

Banduan akan mencari ruang dan peluang yang terbuka semasa aktiviti berikut :

- a. Waktu banduan menjalankan aktiviti harian iaitu dari waktu kiraan muster pagi sehinggalah waktu muster jam 6.30 petang. Dalam waktu ini mereka dapat mendengar apa sahaja perbualan yang berlaku di antara anggota sesama anggota dan antara banduan dengan anggota. Maklumat yang mereka dengar dapat dikumpulkan untuk mereka buat pengkategorian iaitu dapat digunapakai ataupun tidak bernilai langsung.
- b. Melalui Perbualan di antara anggota, banduan akan mengambil kesempatan untuk memerhati apa yang dibincangkan. Sekiranya topik yang didengar mengenai pemeriksaan blok penginapan mereka, mereka akan menyembunyikan artikel larangan yang ada pada mereka atau memusnahkannya bagi mengelak dari ditangkap oleh anggota yang membuat pemeriksaan.
- c. Perbualan antara banduan akan menyebabkan banduan lain mengesyaki seseorang banduan tidak boleh dipercayai. Misalnya mereka dapat mengkategorikan sebagai "hantu" bagi banduan yang membocorkan rahsia mereka.
- d. Dengan sengaja banduan akan berpura-pura terlanggar anggota. Perbuatan ini menyebabkan wujud komunikasi dengan anggota tersebut dan mereka akan mendengar sesuatu dari mulut anggota. Tindak balas dan hukuman yang dilakukan oleh anggota akan dilaksanakan oleh banduan. Mereka mendengar arahan anggota yang mereka berpura-pura terlanggar dan mula menjalinkan

hubungan. Bagi banduan mereka dapat menilai anggota samada agresif ataupun pasif.

- e. Banduan akan mengambil hati anggota dengan menawarkan perkhidmatan mengurut dan mengambil kesempatan untuk menyoyal tentang latar belakang anggota berkenaan. Semua perkara yang mereka dengar dan ketahui akan dipergunakan untuk memerangkap anggota dengan aktiviti jahat yang mereka rancang di dalam penjara.
- f. Banduan akan berlakon baik dan melakukan pelbagai kerja tanpa disuruh. Kebiasaannya anggota akan menyenangi dan mempercayai banduan jenis ini. Mereka akan dapat berbual mesra dengan anggota.

### **6.2.7 Kesimpulan**

Kaedah mendengar adalah satu kaedah yang sangat berkesan untuk banduan mengumpulkan maklumat tanpa disedari oleh anggota yang bertugas. Maklumat-maklumat tersebut akan disalurkan kepada kumpulan tahanan yang mengarahkannya berbuat demikian. Oleh itu, anggota yang bertugas hendaklah sentiasa mengawal perbualan terutamanya yang memberi ruang kepada tahanan untuk mengeksploitasi kelemahan yang dimilikinya seperti bebanan hutang dan sebagainya.

## **6.3 MENETAP SASARAN (TARGETTING)**

### **6.3.1 Pengenalan**

Sasaran merupakan peringkat ketiga yang digunakan oleh banduan atau tahanan dalam proses 'conditioning' terhadap seseorang anggota. Pada peringkat ini mungkin anggota masih belum menyedari bahawa mereka telah dijadikan 'target' oleh banduan atau tahanan. Namun bagi pihak banduan, mereka telah mengenalpasti anggota yang akan menjadi sasaran mereka. Anggota yang dikenalpasti boleh dipergunakan untuk tujuan menjalankan aktiviti penyeludupan akan cuba diperangkap. Banduan akan mula memberi keistimewaan kepada anggota tersebut mengikut kesukaannya.

### **6.3.2 Siapa yang terlibat**

Anggota yang dipilih oleh banduan atau tahanan :

- a. Kelemahan yang dikenalpasti yang ada pada anggota dieksploitasi dengan dijadikan sebagai sasaran. Antara kelemahan-kelemahan adalah :
  - i. Berbelanja melebihi pendapatan dengan menggunakan kereta mewah, berpakaian berjenama di luar kemampuan dan berlagak sebagai orang kaya.
  - ii. Anggota yang mengamalkan gaya hidup yang bebas seperti suka berfoya-foya, mengamalkan seks bebas dan berhibur

di pusat hiburan. Amalan seperti ini mudah dikesan dan dilihat menjadi amalan anggota. Banduan dengan mudah mempengaruhi anggota untuk terlibat secara langsung dengan memberi penawaran yang menarik untuk dijadikan umpan "target".

- iii. Penagih dadah – Jika dikalangan anggota adalah penagih dadah, mereka amat mudah dijadikan alat untuk dijadikan sasaran banduan. Mereka boleh diumpan dengan bekalan dadah yang diseludup masuk ke dalam penjara seperti ganja dan heroin.
- iv. Bagi anggota yang suka dipuji atau diampu, banduan juga akan menjadikan mereka sebagai "target". Anggota yang terbabit akan terlupa pada keikhlasan niat banduan yang memuji dan mengampu yang bertujuan mendapatkan habuan yang lebih besar. Namun apabila sudah terjebak dan menikmati habuan yang lumayan mereka tidak dapat berpaling lagi kepada landasan yang betul.
- v. Banduan juga bijak menabur budi yang sehinggakan apabila mereka termakan budi banduan seperti meminum air minuman dan makanan ringan seperti kacang dan coklat dengan percuma setiap kali masuk bertugas, mengurut kaki, tangan, kepala atau keseluruhan badan di blok penempatan banduan. Walau pun tidak seberapa, tetapi apabila setiap

hari diperlakukan begitu, sesekali mereka perlu membalas budi banduan. Balasan budi yang dilakukan oleh anggota pada peringkat awalnya adalah secara percuma. Tetapi apabila banduan bijak mempergunakan kesempatan dan memberikan upah yang lumayan, anggota akan diminta membawa lain-lain artikel yang menyalahi peraturan seperti tembakau, dadah dan sebagainya.

- vi. Terdapat juga anggota yang mempunyai tabiat suka melanggar peraturan. Anggota yang sebegini perangnya akan merasa puas apabila dapat bertindak berlawanan dengan kehendak pengurusan. Mereka ini akan mudah terjebak dengan perangkap yang dipasang oleh banduan.

### **6.3.3 Bila kejadian berlaku**

Banduan memilih masa yang sesuai untuk menarik minat anggota. Mereka merancang dengan teliti setiap apa yang ingin dilakukan oleh mereka. Selalunya anggota yang berada seorang diri akan menjadi sasaran banduan. Antara masa yang sesuai bagi banduan ialah :

- a. Pegawai blok pergi bermesyuarat.
- b. Anggota melakukan pemeriksaan harian di bilik-bilik banduan.
- c. Perjumpaan banduan di tempat perjumpaan.
- d. Anggota pengiring mengiring banduan menghantar makanan kantin.

#### 6.3.4 Bagaimana boleh berlaku

Anggota yang dikenalpasti mula dipengaruhi :

- a. Banduan akan memberi penawaran percuma untuk perkhidmatan mengikut minat dan kecenderungan anggota seperti perkhidmatan seks, hiburan dan hobi di masa lapang.
  - i) Perkhidmatan seks
    - oral seks ( Dalam Penjara/luar penjara )
    - melangani pelacur ( luar penjara )
  - ii) Hiburan
    - karaoke
    - disco
    - perjudian
    - minuman keras
    - GRO
  - iii) Hobi
    - sukan :
      - o pekej sukan secara percuma
      - o peralatan sukan secara percuma
      - o tiket perlawanan bola
      - o tiket perlumbaan kereta F1
    - pakej pelancongan
      - o Genting

- Pulau-pulau peranginan
- Thailand
- aktiviti riadah
  - Memancing
  - Mencandat sotong
  - Sponsor

### **6.3.5 Kesimpulan**

Jika perkara-perkara seperti di atas yang dijelaskan ini berlaku kepada mana-mana anggota ini bermakna anggota tersebut cuba dijerat oleh banduan. Mana-mana anggota yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan di atas maka itu merupakan anggota yang mudah dijerat oleh Banduan bagi membantunya menyeludup.

## **6.4 MENGUJI (TESTING)**

### **6.4.1 Pengenalan**

Peringkat keempat dalam proses 'conditioning' adalah menguji. Pada peringkat inilah anggota akan mendapat atau diberi berbagai-bagai keistimewaan mengikut kesukaan anggota tersebut. Bila sampai pada peringkat ini, anggota akan merasakan keseronokan yang menyebabkan mereka lupa yang dirinya telah diperalatkan oleh banduan atau tahanan.

### **6.4.2 Definifi**

Menguji adalah satu proses untuk membuat cubaan terhadap seseorang individu untuk menilai kebolehpercayaan, ketaatan dan keakuran kepada janji yang dipersetujui.

Dalam konteks 'conditioning', perbuatan menguji yang dilakukan oleh banduan terhadap anggota adalah bertujuan untuk memastikan anggota yang terpilih untuk melakukan kegiatan haram dalam penjara betul-betul boleh dipercayai.

### **6.4.3 Siapa yang terlibat**

- a. Anggota
  - anggota beruniform
  - anggota awam

- b. orang awam
  - pemandu kenderaan yang berurusan dengan penjara
  - kawan banduan
  - rakan sejenayah
- c. keluarga banduan
- d. polis
- e. peguam

#### **6.4.4 Bila berlaku**

Bergantung pada situasi dan keadaan sasaran. Contohnya apabila komunikasi yang sesuai berlaku diantara banduan dan anggota. Biasanya ujian ini dibuat kepada anggota yang baru bekerja atau baru terjebak dalam kancah penyeludupan bersama banduan. Masa "testing" berlaku tiada masa yang khusus tetapi boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja.

#### **6.4.5 Kaedah yang digunakan**

- a. Memberi surat untuk menghubungi keluarga
- b. Memesan jumlah barang yang dikehendaki dalam jumlah yang sedikit
- c. Memberi pinjaman wang
- d. Banduan cuba bercakap dengan menggunakan bahasa yang kasar dan tidak menghormati anggota

#### 6.4.6 Kesimpulan

Dalam *conditioning* kaedah menguji perlu dilaksanakan oleh banduan untuk menilai kebolehpercayaan terhadap anggota yang dipilih oleh mereka. Memahami kaedah ini membolehkan pihak anggota yang bertugas mencegah diri mereka daripada terjebak dalam jerat banduan atau tahanan.

## 6.5 MENDEKATI (APPROACHING)

### 6.5.1 Pengenalan

Proses mendekati ( approaching ) ialah satu proses di mana banduan akan mula menjalinkan komunikasi bagi mewujudkan kepercayaan anggota dengan banduan dan sebaliknya.

### 6.5.2 Apakah dan bagaimana proses mendekati berjalan ?

Setelah banduan membuat pilihan sasaran anggota yang akan direkrut sebagai pengantara mereka, proses mendekati mula dijalankan. Proses ini dilakukan oleh banduan secara 'direct approach' ke atas anggota. Antara kaedah yang digunakan ialah :

a) Menabur budi

- i. Mengurut badan anggota
- ii. Buat makanan dan minuman menggunakan catuan kantin banduan .
- iii. Membantu anggota mengawal banduan lain dalam blok.
- iv. Membantu anggota menguruskan pentadbiran blok.
- v. Memberi pujian kepada anggota.

b) Mempengaruhi pemikiran anggota

- I. Banduan mendedahkan statusnya sama ada secara tepat atau berbohong bagi tujuan menarik minat anggota terhadap mereka.
- II. Banduan memperlihatkan kemampuan mereka kepada anggota.

III. Banduan memperlihatkan sokongan mereka terhadap anggota

c) Membuat penawaran

- I. Menawarkan kemudahan untuk memenuhi minat dan kecenderungan anggota.
- II. Memudahkan proses penawaran dengan menyediakan 'contact' ( orang hubungan )
- III. Memberi kesanggupan untuk membantu anggota pada bila bila masa diperlukan.

### 6.5.3 Siapakah yang terlibat ?

Didalam proses mendekati, ianya melibatkan banduan dan anggota. Beberapa cara yang dikenalpasti diguna ialah :

- a) Banduan (*runner @ balachi @ kapcha* ) yang bekerja dengan banduan yang menjadi 'master mind ' (*taukeh*) akan mendekati anggota. Setelah berjaya dipengaruhi dan memperolehi kepercayaan, anggota sama ada akan berurusan dengan banduan tersebut atau diperkenalkan kepada banduan 'master mind'.
- b) Banduan 'runner' sendiri akan bertindak bagi pihak 'master mind' tanpa anggota mengetahui siapa sebenarnya 'master mind '.
- c) Banduan yang menjadi 'master mind' membuat hubungan terus dengan anggota. Tidak menggunakan pengantara.

#### 6.5.4 Bilakah proses mendekati berlaku ?

Proses banduan mendekati anggota bagi tujuan mempengaruhi biasanya dilakukan pada waktu :

- a) Waktu bertugas pada Giliran Awal, Akhir dan malam. Biasanya waktu yang dipilih ialah waktu dimana anggota berada dalam situasi privasi yang baik.
- b) Banduan akan memilih masa yang sesuai dimana anggota yang disasarkan berada dalam keadaan 'free'.
- c) Semasa bertugas malam, anggota akan dipanggil ke bilik banduan untuk bersembang. Keadaan lebih tenang dan tidak ada gangguan.
- d) Semasa proses menguruskan keperluan banduan contohnya menguruskan bahan bacaan dan makanan.

#### 6.5.5 Di manakah proses mendekati berlaku ?

Terdapat tempat tempat strategik di dalam penjara yang digunakan oleh banduan untuk mendekati anggota iaitu :

- a) Di dalam blok
- b) Di dalam tempat ibadat banduan
- c) Bilik pegawai bertugas
- d) Bilik stor perkakas kerja
- e) Bengkel perusahaan
- f) Klinik dalam penjara / sick bay
- g) Tempat perjumpaan
- h) Semasa tugas mengiring ke mahkamah / hospital luar
- i) Semasa anggota bertugas mengawal banduan dihospital

- j) Semasa beriadah ( supaya perbualan nampak formal dan bersahaja )

### 6.5.6 Bagaimana proses mendekati berlaku ?

Proses mendekati anggota yang disasarkan oleh banduan ini berlaku melalui kaedah :

- a) Memohon atau mempengaruhi pegawai blok untuk kerja sebagai Ketua blok atau kerja kawasan bagi memudahkan proses mendekati berjalan.
- b) Membawa anggota yang disasarkan ke tempat / kawasan yang tiada gangguan ( ada privasi ). Contoh, meminta anggota mengiringinya untuk membersihkan kawasan di luar kawasan blok.
- c) Mewujudkan keadaan di mana banduan dapat bersama dengan anggota yang menjadi sasaran contohnya berpura sakit untuk mendapatkan rawatan.

### 6.5.7 Rumusan

Proses mendekati anggota oleh banduan adalah sebahagian daripada proses penting ke arah mendapatkan 'sokongan' dan bantuan untuk menjayakan agenda banduan yang berhasrat mewujudkan satu rangkaian penyeludupan artikel larangan di dalam penjara.

## **6.6 MEMISAHKAN ( SPLITTING)**

### **6.6.1 Pengenalan**

Proses memisahkan ( splitting ) ialah satu proses di mana anggota akan dipisahkan atau dipencilkan dari kumpulan anggota yang lain bagi tujuan memudahkan proses selanjutnya berjalan. Dalam proses ini, anggota akan berada dalam cengkaman banduan untuk menjalankan agenda banduan .

### **6.6.2 Apakah proses memisahkan ( splitting ) ?**

Apabila banduan telah berjaya memperdayakan anggota, maka, banduan akan memisahkan anggota ini dari kumpulan mereka yang tidak terlibat. Proses ini perlu dilakukan memandangkan anggota bertanggungjawab mengawal banduan dan mengimplimentasikan prosedur dan peraturan dalam penjara. Pemisahan ini akan memudahkan banduan mengawal anggota dari segi menjaga kerahsiaan dan 'kesetiaan' anggota kepada banduan kerana apa yang perlu dilakukan adalah sesuatu yang melanggar peraturan.

### **6.6.3 Siapakah yang terlibat dalam proses pemisahan ?**

Terdapat dua pihak yang terlibat dengan proses ini yang merupakan pihak yang memisahkan dan dipisahkan. Individu yang terlibat dalam proses pemisahan ini ialah :

- a) Anggota yang telah dijadikan sasaran dan berjaya di pengaruhi. Ini merupakan individu yang dipisahkan.

- b) Banduan yang terlibat dalam rangkaian. Dalam hal ini, biasanya akan melibatkan lebih daripada seorang banduan . Ini merupakan pihak yang memisahkan.

#### **6.6.4 Bilakah proses pemisahan ini dijalankan ?**

Proses pemisahan akan berjalan dalam satu tempoh masa bergantung kepada tahap kepercayaan anggota kepada banduan dan tahap kemampuan banduan untuk mempengaruhi anggota. Ianya akan dilaksanakan setelah anggota disahkan mampu bekerjasama dengan banduan untuk menjalankan kegiatan. Ianya juga boleh dikatakan sebagai sebahagian dari proses mengawal kecenderungan anggota. Proses tersebut melalui pendekatan psikologi banduan terhadap anggota.

Terdapat ketikanya dimana, banduan akan memperolehi masa yang sangat sesuai untuk bertindak menjalankan proses ini. Masa tersebut ialah :

- a) Apabila anggota telah memperolehi sesuatu dari banduan contohnya duit, telefon bimbit, kereta dan lain lain kemudahan.
- b) Semasa anggota berada dalam keadaan seperti mempunyai masalah dan banduan akan bertindak sebagai penenang dengan menawarkan pertolongan dalam apa jua bentuk
- c) Apabila anggota mengalami konflik dengan kumpulan yang ingin dipisahkan.
- d) Apabila anggota merasa putus asa atau kecewa dengan kekurangan dalam kehidupannya dan kerjaya. Perkara ini mampu diketahui banduan melalui gaya dan percakapan anggota sendiri.

Proses pemisahan penting bagi banduan untuk menjamin keselamatan kegiatan yang dijalankan terutama dari segi kerahsiaan dan kesetiaan anggota kepada mereka.

#### **6.6.5 Di mana proses pemisahan ini berlaku ?**

Di dalam usaha banduan untuk memisahkan anggota dari kongkongan prosedur dan peraturan serta kumpulan anggota lain, proses tersebut berlaku pada bila-bila masa mengikut kesesuaian. Banduan akan sentiasa bijak memanipulasikan masa, keadaan dan tempat bagi tujuan tersebut. Tiada lokasi khusus bagi proses pemisahan ini berjalan. Ianya bergantung kepada situasi semasa dan kondisi anggota.

#### **6.6.6 Bagaimana proses pemisahan ini berlaku ?**

Proses pemisahan akan memperlihatkan kemuncak perubahan kepada anggota terlibat apabila ianya berjaya dilaksanakan oleh banduan . Anggota yang terlibat, akan melalui proses pemisahan apabila :

- a) Mula terpedaya dengan kata-kata banduan .
- b) Mula menjalankan kegiatan penyeludupan.
- c) Anggota akan menjauhkan diri dari kumpulan rakan sekerja
- d) Anggota mula menunjukkan kecenderungan untuk ingkar perintah, tidak melaksanakan prosedur dan peraturan.
- e) Memencilkan diri dan tidak menghadiri program jabatan
- f) Anggota hanya bercampur dengan rakan serangkaian
- g) Anggota akan bersikap lebih negatif contohnya seperti tidak hadir tugas, lewat, kerap cuti sakit dan sebagainya.

- h) Anggota akan cuba mengelakkan diri dari pegawai kanan dan unit keselamatan.
- i) Dengan sengaja dan sentiasa mencari alasan untuk mengatakan masalah penyeludupan artikel larangan bukanlah serius dan menjuruskan permasalahan tersebut berpunca dari banduan .
- j) Sentiasa menyalahkan pihak yang benar contohnya Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP) dan Unit Risikoan.

#### **6.6.7 Rumusan**

Proses pemisahan ini berlaku melibatkan psikologi anggota yang terlibat di mana pemikiran mereka telah berjaya dimanipulasikan oleh banduan . Pada peringkat ini, banduan telah berjaya mewujudkan 'rapport ' antara mereka dengan anggota terlibat. Secara tidak langsung, proses pemisahan penting bagi banduan untuk menjamin keselamatan kegiatan yang dijalankan terutama dari segi kerahsiaan dan kesetiaan anggota kepada mereka.

## **6.7 MEWUJUDKAN RANGKAIAN ( NETWORKING )**

### **6.7.1 Pengenalan**

Setelah kesemua proses merekrut anggota berjaya dilaksanakan oleh banduan , mereka mula mewujudkan satu rangkaian penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara. Ini adalah proses terakhir untuk merealisasikan rancangan banduan untuk mengembang dan memajukan kegiatan mereka.

### **6.7.2 Apakah proses mewujudkan rangkaian dan peranan rangkaian ?**

Tujuan penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara adalah untuk menjalankan perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan besar. Ini melibatkan kegiatan seludup masuk, pemilikan, jual beli, penggunaan perlatan dan penagihan dadah atau artikel larangan yang lain. Proses tersebut tidak akan berjaya secara total jika banduan tidak mempunyai rangkaian untuk menjalankan kegiatan. Pihak yang terlibat iaitu banduan, anggota dan orang hubungan luar di dalam rangkaian akan memperolehi keuntungan dari kegiatan yang dijalankan.

Proses membentuk rangkaian sebenarnya menjurus kepada pengukuhan kepercayaan sesama individu dalam rangkaian.

Di dalam menjalankan kegiatan penyeludupan, terdapat beberapa jenis rangkaian iaitu :

- i. Rangkaian individu ( *individual networking* ). Ini melibatkan satu sama satu iaitu seorang banduan menggunakan khidmat seorang anggota.
- ii. Rangkaian kumpulan 2 individu atau lebih ( mengenali ahli )  
Proses kerja rangkaian ini melibatkan lebih dari satu anggota membantu kemasukan artikel kepada banduan secara bekerjasama (teks).  
secara bekerjasama (teks).
- iii. Rangkaian kumpulan yang mana di kalangan ahli tidak mengenali antara satu sama lain tetapi menjalankan kegiatan untuk banduan yang sama
- iv. Rangkaian yang diwujudkan oleh banduan
- v. Rangkaian yang diwujudkan oleh anggota

Proses merangkai rangkaian adalah satu proses kerja yang terancang.  
Proses mewujudkan rangkaian ini akan melalui beberapa tahap :

#### **a) Tahap pertama**

Banduan membuat penilaian kemampuan rangkaian yang direkrut mampu memberi faedah yang lebih besar kepada kegiatan.

#### **b) Tahap kedua**

Apabila banduan berjaya mendapat tindakbalas positif daripada anggota dalam rangkaian maka banduan akan :

- i. Mencatur peranan anggota dalam rangkaian
- ii. Melantik anggota yang paling dipercayai untuk menjadi perunding utama ( kepala rangkaian ).

**c) Tahap ketiga**

Setelah berjaya mempengaruhi anggota dalam rangkaian, banduan akan meyakinkan anggota mengenai keuntungan dari kegiatan. Dalam hal ini, kepercayaan anggota rangkaian banyak bergantung kepada bayaran upah selain kerahsiaan yang dijaga oleh banduan. Teknik pembayaran dari kerja penyeludupan dalam rangkaian ialah :

- i. Bayaran secara tunai oleh banduan dalam penjara
- ii. Bayaran oleh 'kepala rangkaian' kepada anggota rangkaian. Dalam kes ini, 'kepala rangkaian' telah mengambil upah terlebih dahulu daripada orang hubungan luar atau banduan sendiri di dalam penjara.
- iii. Bayaran ke dalam akaun yang akan ditetapkan oleh anggota dalam rangkaian.

Pembentukan rangkaian yang kukuh banyak bergantung kepada kepatuhan janji antara individu dalam rangkaian iaitu antara anggota dan banduan.

**d) Tahap keempat :**

Apabila kegiatan berjalan, banduan dan anggota akan mula merancang untuk melepasi kawalan keselamatan institusi dan demi menjaga kerahsiaan kegiatan tidak terbongkar atau dihidu oleh pihak pengurusan penjara. Pada tahap ini, kepala rangkaian anggota akan membuat kajian pelbagai sudut untuk menjayakan penyeludupan. Contohnya :

- i. Melihat kelonggaran pemeriksaan pada waktu-waktu tertentu contohnya pada waktu maghrib dan sembahyang Jumaat.
- ii. Melihat kelonggaran pemeriksaan pada hari tertentu contohnya Cuti Am.
- iii. Melihat kelonggaran pemeriksaan pada pergerakan tertentu contohnya anggota balik bertugas malam dari kawasan luar penjara.
- iv. Lain lain kelonggaran yang mampu dikesan pada waktu yang tidak diduga.
- v. Membuat penilaian ketelitian pemeriksaan oleh pegawai-pegawai tertentu.
- vi. Membuat kajian kawasan dan tempat transit selamat penyerahan artikel

### **6.7.3 Siapakah yang terlibat dalam rangkaian ?**

Mereka yang terlibat dalam rangkaian ialah :

- a) Anggota
- b) Banduan
- c) Orang awam yang berurusan dengan penjara contohnya pemandu lori catuan, guru ketukangan dan sebagainya.
- d) Orang awam yang menjadi orang hubungan banduan di luar penjara
- e) Keluarga banduan
- f) Peguam
- g) Polis

#### 6.7.4 Bilakah proses rangkaian ini dibentuk ?

Proses rangkaian dibentuk apabila kegiatan yang dilakukan terpaksa melalui beberapa halangan dan untuk melepaskannya, pendekatan penggunaan rangkaian adalah lebih selamat. Halangan yang dikenalpasti ialah :

- a) Peningkatan kepada penguatkuasaan dan pemeriksaan
- b) Menjamin keselamatan individu terlibat atau rangkaian
- c) Menjamin keselamatan artikel yang diseludup
- d) Supaya bekalan artikel larangan tidak putus
- e) Menjamin kegiatan berjalan dengan lancar
- f) Apabila rangkaian penyeludup menerima tekanan dari penguatkuasaan

#### 6.7.5 Dimana proses rangkaian ini dibentuk dan berlaku ?

Pembentukan rangkaian ini dibentuk dan berlaku :

- a) Di dalam penjara di mana banduan akan mempunyai akses terus kepada rangkaian. Terdapat dua keadaan di mana, banduan mempunyai akses terus kepada orang luar iaitu melalui telefon bimbit.
- b) Di luar penjara, anggota mempunyai akses kepada orang hubungan luar iaitu anggota lain dan orang awam yang membekalkan artikel

### 6.7.6 Bagaimanakah proses rangkaian ini bergerak ?

Setelah rangkaian dibentuk, terdapat beberapa cara ianya digerakkan oleh anggota rangkaian iaitu dengan cara :

**6.7.6.1 Banduan dengan seorang anggota sahaja** di mana rangkaian tidak melibatkan 2 atau lebih. Banduan (taukeh / runner) akan berurusan terus dengan anggota yang akan menyeludup. Anggota akan mengambil sendiri artikel dari orang hubungan di luar penjara dan beliau sendiri akan membawa masuk serta menyerahkan sendiri artikel kepada banduan (taukeh / runner)

**6.7.6.2 Banduan dengan lebih dari seorang anggota** di mana rangkaian melibatkan 2 atau lebih individu. Apabila bergerak, rangkaian sedemikian biasanya akan melalui beberapa proses melibatkan individu yang berlainan. Contohnya, anggota A akan membuat perjanjian dengan banduan. Kemudian, A akan menyampaikan perjanjian tersebut kepada anggota B. B akan pergi mengambil artikel dari orang luar. Apabila artikel hendak dibawa melepasi Pintu Utama, B akan menyerahkan artikel kepada anggota C. C akan menyeludup artikel melepasi Pintu Utama dan apabila berada di dalam penjara, C akan menyerahkan artikel kepada A semula dan A akan menyerahkannya kepada banduan yang membuat perjanjian.

### 6.7.7 Rumusan

Rangkaian merupakan satu kaedah yang akan memberi jaminan kerahsiaan dan keselamatan yang tinggi. Apabila banduan berjaya mewujudkan rangkaian dalam kegiatan penyeludupan artikel larangan, ini akan menyukarkan pihak pengurusan penjara di dalam menjalankan penguatkuasaan. Teknik ini akan mengelirukan pihak keselamatan dan melibatkan lebih ramai anggota terlibat secara tidak langsung.

## 7 CONTOH-CONTOH KES

### 7.1 Kes Di Penjara Simpang Rengam

'Ah Heong' seorang tahanan POPOC berminat untuk membina satu rangkain penyeludupan dadah ke dalam Penjara Simpang Rengam. Untuk tujuan tersebut, beliau perlu merekrut beberapa anggota penjara untuk menjadi pembawa dadah kepadanya di dalam penjara.

'Amy' adalah seorang anggota Penjara Simpang Rengam yang mula bertugas pada tahun 2003. Beliau tinggal diberek bujang Blok E. Beliau mempunyai latarbelakang suka berhibur, berkaroke dan meminati kereta. Tetapi beliau hanya menggunakan kenderaan motorsikal semasa bertugas.

Di Penjara Simpang Rengam, 'Amy' bertugas di Bahagian Tugas Am Platun 1 yang melibatkan kawalan blok POPOC.

*(Rujukan Lampiran kajian Kes 1)*

#### A.1 Pemerhatian

'Ah Heong' telah melihat melalui kajian pemerhatian ke atas anggota 'Amy' yang di dapati sering lincah semasa menjalankan tugas dan memperlihatkan 'Amy' seorang anggota yang social.

#### A.2 Listening

'Ah Heong' telah mengetahui melalui perbualan 'Amy' dengan rakan sekerja di blok mengenai aktiviti social beliau. 'Amy' juga

sering mengatakan masalah untuk menyediakan perbelanjaan bagi tujuan sosial yang diminati.

### A.3 Menetapkan sasaran ( Targeting )

' Ah Heong ' telah berminat untuk merekrut 'Amy' sebagai sebahagian dari rangkaiannya memandangkan 'Amy' mempunyai kelemahan yang telah beliau kenalpasti iaitu suka kepada hiburan dan kereta tetapi tidak mampu dari segi kewangan untuk mencapai kepuasan ke tahap maksima.

### A.4 Menguji sasaran ( Testing )

'Ah Heong' mula merancang untuk menanamkan kepercayaan 'Amy' kepadanya dengan cara berhubung dengan seorang taukeh Pub iaitu 'Ah Lam' yang memiliki sebuah Pub di Batu Pahat iaitu 'Pub 2000'. 'Ah Lam' telah bersetuju dengan rancangan 'Ah Heong' untuk merekrut 'Amy' dengan menggunakan Pub kepunyaannya.

'Ah Heong' telah mendekati 'Amy' dan menawarkan hiburan percuma kepadanya di Pub 2000, Batu Pahat. 'Amy' menerima tawaran tersebut dan telah pergi ke pub berkenaan. Pada mulanya, beliau hanya pergi seorang diri. Selepas beberapa kali pergi kesana dan mendapat layanan perempuan, minuman dan karaoke percuma, 'Amy' merasa seronok dan telah mengunjungi pub tersebut 2 kali seminggu. Setelah 'Ah Heong' mendapati 'Amy' mula percaya kepada beliau, beliau telah mengesyorkan supaya 'Amy' membawa seorang rakannya kesana sebagai teman.

Pada peringkat ini, 'Amy' telah benar benar percaya kepada 'Ah Heong' memandangkan semua yang dijanjikan, telah diberikan.

#### **A.5 Mendekati ( Approaching )**

Apabila 'Amy' didapati telah dapat dipengaruhi dengan kepercayaan kepada 'Ah Heong', 'Ah Heong' telah menduga kepercayaan 'Amy' dengan meminta 'Amy' membawa masuk 10 paket tembakau dengan bayaran RM50.00. Tawaran yang diberikan, sengaja dimurahkan oleh 'Ah Heong' untuk melihat kesanggupan 'Amy' untuk menjalankan kerja tersebut. 'Amy' telah sanggup dan telah menunaikan permintaan 'Ah Heong'. Selepas itu, 'Ah Heong' telah beberapa kali menjalankan urusan yang sama dengan 'Amy' dan beliau dapati, 'Amy' adalah seorang yang boleh dipercayai, berani dan bijak dalam menyeludup artikel larangan.

#### **A.6 Memisahkan ( Isolating )**

'Ah Heong' telah mempengaruhi 'Amy' supaya berhati hati semasa menyeludup artikel dan jangan bercakap atau bercampur gaul dengan rakan lain kerana ini bolih menyebabkan rahsia kegiatan itu akan diketahui. Ini menyebabkan 'Amy' mula mengasingkan diri dan hanya bergaul bersama rakan yang dibawa ke Pub 2000 sahaja.

### A.7 Rangkaian ( Networking )

Apabila 'Ah Heong' dan 'Amy' telah mempunyai kepercayaan yang kuat antara satu sama lain, 'Ah Heong' telah mula menawarkan tempat hiburan yang lebih hebat iaitu di beberapa buah Pub di Johor Bahru. 'Ah Heong' juga meminta 'Amy' membawa rakannya sebagai teman. 'Amy' telah membawa rakannya 'Popye'. Untuk kemudahan 'Amy'. 'Ah Heong' telah menyediakan sebuah kereta terpakai untuk kegunaan 'Amy' iaitu sebuah kereta Satria berwarna hijau. Apabila 'Amy' pergi ke pub di Johor Bahru beberapa kali, 'Ah Heong' telah meminta 'Amy' untuk mengambil dadah dan telefon bimbit di Johor Bahru untuk diseludup masuk ke Penjara Simpang Rengam. Upah yang diberikan iaitu RM2,500.00 bagi sebuah telefon bimbit yang diseludup dan RM2,000.00 bagi 50gm dadah. Jumlah dadah yang diseludup adalah mengikut yang ditetapkan oleh 'Ah Heong'.

'Amy' telah menjalankan kegiatan membekalkan dadah dan telefon bimbit kepada 'Ah Heong' beberapa kali. Apabila didapati kegiatannya mula dikesan oleh pihak Penjara Simpang Rengam, beliau telah menggunakan rakannya iaitu 'Popye' sebagai anggota rangkaian yang membantunya bagi mengaburi pihak keselamatan. Ini termasuk dengan mengubah cara membawa masuk artikel dengan meroket di dalam dubur.

## 7.2 Kes Di Penjara Sungai Buloh

### 7.2.1 Kes Melibatkan Pegawai Kanan

PPP Kannan a/l Ramasamy bertugas sebagai Pegawai Blok Abadi 2 Penjara Sg Buluh. Beliau merupakan seorang anggota yang mempunyai sifat 'happy go lucky' dan periang. Amat disenangi dikalangan pegawai rendah dan juga banduan. Sepanjang menjalankan tugas beliau mampu memastikan suasana dalam blok sentiasa aman dan terkawal. Bagaimanapun Blok Abadi 2 masih terdapat kejadian-kejadian pergaduhan dan kemasukan artikel larangan, yang menimbulkan persoalan kejadian hanya berlaku apabila sewaktu tugas kawalan dilaksanakan oleh pegawai yang lain.

Banduan BSB 2314/03 TMT Wan Lan Fook (*Crow*) bersama 6 lagi rakan sejenayahnya yang ditahan atas pertuduhan menculik dibawah Sek.3 Akta Culik baru sebulan ditempatkan di sel 7 Blok Abadi 2. Kumpulan ini merupakan satu kumpulan yang terancang dan merbahaya. Setelah sebulan berada di Abadi 2, tahanan W.L. Fook berpura-pura sakit dan berjumpa dengan PPP Kannan untuk memohon mendapatkan rawatan di Hospital Penjara. Keadaan ini berulang beberapa kali, dimana secara langsung tahanan W.L. Fook dapat berkomunikasi dengan PPP Kannan tanpa sebarang gangguan dari anggota lain. Keadaan ini digunakan sepenuhnya oleh Tahanan W.L. Fook untuk '*memancing*' PPP Kannan. W.L.Fook secara terus mendapat maklumat bahawa PPP Kannan bahawa beliau suka minum minuman keras dan berfoya-foya di Kelab Malam.

Dalam waktu yang sama, PPP Salem A.Kadir yang bertugas di Blok yang sama juga didekati oleh tahanan BSB 2315/03 TMT Lee Wan Wah ( naman gelaran 'Banana' ). PPP Salem juga 'dipancing' oleh Banana dengan konsep yang sama, dan ruang yang digunakan adalah minat pegawai terhadap sukan golf dan berfoya-foya.

*Dalam keadaan di atas, tahanan secara halus berjaya mempengaruhi kedua-dua Pegawai melalui minat mereka dalam bidang masing-masing.*

Selepas sebulan tahanan berada di Blok Abadi 2, tahanan telah meminta kedua-dua pegawai tersebut untuk berkunjung ke sebuah Kelab Malam di Klang sekiranya mereka ingin berhibur dan dimasa yang sama kedua-dua pegawai tersebut telah memujuk dua anggota bawahan yang bertugas di Blok yang sama supaya turut serta ke Kelab Malam tersebut. Disinilah terbentuknya satu pakatan secara berkumpulan oleh anggota yang secara tidak sedar mereka telah terjebak kedalam perangkap 'conditioning' orang tahanan. Di kelab malam anggota-anggota tersebut diraikan oleh saki-baki rakan sejenayah 'Crow' dengan hiburan, minuman keras dan wanita-wanita pelayan secara percuma.

Setelah kerap kali pegawai kanan tersebut ke kelab malam, tahanan mula meminta supaya kedua-dua pegawai kanan membawa masuk rokok ke dalam Blok Abdi 2, untuk kegunaan mereka. Kegiatan ini dilakukan berulang kali tanpa dikesan oleh pihak pengurusan yang langsung tidak menyedari kegiatan mereka yang dilakukan secara terancang dan teliti.

Setelah yakin kegiatan mereka tidak dapat dikesan dan dihidu oleh pihak pengurusan, PPP Kannan telah meminta dua anggota bawahan yang pernah turut serta mengunjungi kelab malam tersebut supaya membawa masuk 'Eramine 5' dan tembakau untuk kegunaan kumpulan 'Crow' di Blok Abadi 2 sewaktu bertugas malam. Kemasukan artikel larangan ini kedalam penjara ini di rancang dengan rapi kerana mereka akan membawa masuk semasa salah seorang pegawai kanan yang terlibat bertugas malam. Anggota tersebut berjaya melepasi pemeriksaan raba-raba di Pintu Besar kerana mereka di periksa oleh perancang sendiri. Kegiatan ini sering berjaya dilakukan kerana rangkaian ini juga akan mengenal pasti Timbalan dan anggota UKP yang bertugas pada hari barang larangan tersebut hendak di bawa masuk.

Banana dari kumpulan "Crow' yang telah berurusan dengan PPP Salem sebelum ini telah memintanya supaya membawa masuk dadah ke dalam blok Abadi 2 kerana beliau tahu dan yakin dengan kejujuran PPP Salem. Banana yang telah mengikat PPP Salem dengan berhibur di kelab malam dan set golf yang diberikan kepadanya yakin kegiatan mereka akan berjaya dan tidak akan diketahui oleh pihak pengurusan. PPP Salem mula membawa masuk dadah sepertimana perancangan yang dibuat oleh Kumpulan 'Crow'. Kegiatan ini berlarutan sehinggalah salah seorang daripada anggota yang terlibat dalam rangkaian penyeludupan ini ditangkap semasa membawa masuk 'eramine 5' di Pintu Besar semasa pemeriksaan khas dilakukan oleh Timbalan Penguasa Penjara bertugas.

### 7.2.2 Kes Melibat Anggota Seorang Penagih Dadah

Ramlan mula melaporkan diri pada tahun 2005 di Penjara Sungai Buloh dengan menggunakan kereta Wira semasa melapurkan diri. Selepas latihan di Institusi beliau mula bertugas di blok penempatan banduan yang berisiko tinggi. Berpewatakan seorang senang bergaul tetapi kurang bercakap telah menyebabkan beliau hanya didekati oleh banduan banduan yang tertentu

Merupakan seorang penagih dadah sebelum bertugas di Penjara beliau telah mula berkenalan rapat dengan beberapa banduan yang merupakan pengedar-pengedar dadah semasa di luar di Blok Melur. Mempunyai gaya pujukan yang bergitu tinggi Ramlan telah berjaya menghisap dadah secara percuma daripada banduan banduan yang dipercayainya. Keyakinan dan kepercayaan banduan yang terbabit terhadap Ramlan telah menyebabkan beliau di minta membawa masuk dadah.

Dengan kawalan dan pemeriksaan yang rapi di Pintu Besar Ramalan telah mengambil tindakan membawa masuk dadah kepada pengedar-pengedar dan pelanggan lain dengan kaedah melalui rektum. Apabila kegiatan Ramlan di hidu oleh Unit Risikan beliau telah menggunakan banduan yang bekerja di Kantin Pengurusan bernama Shaari yang menghantar makan bayar ke blok-blok. Shaari yang juga seorang penagih telah mengambil kesempatan atas tugas menghantar makanan tersebut sambil menghantar bekalan dadah ke blok penempatan banduan lain tanpa di curigai oleh petugas kantin.

Kegiatan Shaari mula di kesan oleh Unit Risikan kerana sentiasa berada dalam keadaan mencurigakan sehinggalah beliau telah di tangkap atas kesalahan memberi makan bayar kepada banduan tanpa kebenaran pihak pengurusan kantin. Siasatan telah dijalankan terhadap Shaari, beliau telah membuat pengakuan dan memberitahu tentang kekegiatan Cikgu Ramlan yang terlibat secara langsung dalam membawa masuk dadah ke dalam penjara.

Shaari telah dijadikan orang tengah dalam proses menangkap Ramlan dengan menggunakan wang perangkap sebanyak RM 200.00 dan di rancang di lakukan di Blok Pengurusan. Pada jam lebih kurang 5.00 petang Ramlan telah datang ke Kantin untuk minum petang, beliau telah meminta Shaari membungkuskan, 1 bungkusan Air Kopi dan di hantar ke Bilik Tidur anggota tugas malam. Ramlan yang berada dalam keadaan terbaring di atas katil menyerahkan 2 bungkusan serbuk putih yang disyaki dadah dan Shaari menyerahkan wang perangkap, Ramlan yang tidak mengetahui kegiatannya telah diperhatikan, tiba-tiba dikejutkan dengan satu serbuan yang diketuai oleh TPP Karim dan lain-lain anggota menyebabkan Ramlan melarikan diri sehinggalah beliau di tangkap dan dihantar ke balai polis yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya. Semasa pemeriksaan dilakukan Ramlan masih menyembunyikan wang perangkap diselitan di tali pinggang yang dipakai dan Shaari memnyembunyikan dadah di celah jari kaki kananya. Ramlan akhirnya telah di tahan di Pusat Pemulihan Simpang Renggam selama 2 tahun di bawah kesalahan Langkah Pencegahan Khas.

### 7.3 Kes Di Penjara Pulau Pinang

Perkara	Skop	Cerita
<b>1.Pemerhatian (Observation)</b>	a. Apa yang banduan perhatikan : - sikap anggota/ peragai - ditil bertugas -mengambil ruang dan peluang -mengklasifikasi anggota -mengenalpasti tahap kawalan	Daripada pemerhatian yang dibuat oleh Mat Ten dia akan dapat mengenalpasti anggota yang bertugas, kelemahan mereka, bagaimana mereka boleh dipergunakan untuk kepentingan dia. Mat ten bijak menggunakan ruang dan peluang ke atas anggota yang telah berjaya dipengaruhi mengikut klasifikasi anggota yang ditetapkan oleh dia. Mat Ten akan mencari masa yang sesuai untuk menjalankan aktiviti dia. Contohnya waktu anggota minum, cuti perayaan dan sebagainya.

<p><b>2. Mendengar ( Listening )</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-mengambil maklumat mengenai anggota</li> <li>- maklumat rahsia dapat diketahui tanpa disedari</li> <li>- selalu berbual-bual dengan anggota untuk mendapatkan maklumat</li> <li>- mengambil hati pegawai blok ( urut, membuat kerja kebersihan dan sebagainya )</li> </ul>	<p>Mat Ten selalu duduk berhampiran dengan anggota untuk mendengar perbualan dan dapatkan maklumat rahsia yang anggota terlepas cakap semasa bertugas. Contohnya arahan-arahan terkini dari pihak atasan, jadual pemeriksaan khas yang akan dilakukan dan seterusnya dia akan mengambil hati pegawai blok untuk melantiknya menjadi orang kerja dan ini memberi peluang dia untuk memantau pergerakan anggota.</p>
<p><b>3. Sasaran ( Target )</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- anggota yang dikenalpasti mula dipengaruhi</li> <li>- memberi tawaran kepada anggota yang termasuk dalam kumpulan sasaran</li> </ul>	<p>Anggota yang termasuk dalam jerat atau perangkap Mat Ten menjalani kehidupan dengan mewah hasil daripada penyeludup yang dilakukan. Seperti berfoya-foya di pub,</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- keistimewaan diberi kepada anggota berdasarkan minat mereka</li> <li>- anggota termasuk dalam perangkat / jerat yang dipasang</li> </ul>	memiliki handphone yang canggih, memiliki kereta melebihi kemampuan diri.
<b>4. Menguji ( Testing )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- memberi surat untuk menghubungi keluarga</li> <li>- memesan jumlah barang yang dikehendaki</li> <li>- banduan bercakap dengan menggunakan bahasa yang tidak menghormati anggota</li> <li>- memberi pinjam wang</li> <li>- terlalu mesra dengan anggota</li> </ul>	Mat Ten akan meminta anggota untuk melakukan penyeludupan bagi artikel larangan yang tidak bahaya dan mudah dilakukan. Pada peringkat seterusnya dia akan mula mempengaruhi anggota untuk melakukan penyeludupan artikel larangan yang lebih banyak dan serius seperti seledup kokain ke dalam penjara. Dia juga memberi anggota meminjam wang daripadanya.

## 8 JADUAL KURSUS

### Hari Pertama

- 08.30**                    **Pengenalan Modul Conditioning / Pengikatan**
- Pengertian dan asas kepada conditioning/pengikatan
- 10.30**                    **Kudapan**
- 11.00**                    **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**
- Pemerhatian (Observing)
    - Ceramah dan kajian kes
- 13.00**                    **Makan Tengahari**
- 14.30**                    **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**
- Mendengar (Listening )
    - Ceramah dan kajian kes
- 16.30**                    **Minum petang**
- 19.00**                    **Makan malam**

**Hari Ke-2**

- 07.30** Sarapan Pagi
- 08.30** **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**
- Mencari / menetapkan sasaran ( Targeting)  
- Ceramah dan kajian kes
- 10.30** **Kudapan**
- 11.00** **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**
- Menguji (Testing)  
- Ceramah dan kajian kes
- 13.00** **Lunch**
- 14.30** **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**
- Mendekati (Approaching)  
- Ceramah dan kajian kes
- 16.30** **Minum petang**
- 19.00** **Makan Malam**

**Hari Ke-3****07.30** Sarapan Pagi**08.30** **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**

- Memisahkan (Splitting)  
- Ceramah dan kajian kes

**10.30** **Kudapan****11.00** **Kaedah-kaedah dalam Conditioning/pengikatan**

- Menwujudkan Rangkaian ( Networking)  
- Ceramah dan kajian kes

**13.00** **Lunch****14.30** **Simulasi****16.30** **Minum petang****19.00** **Makan Malam**

## 9 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang telah ditetapkan ialah semua peringkat jawatan bermula dari peringkat bawahan hingga peringkat atasan.

## 10 PENUTUP

Pengikatan (conditioning) merupakan satu kaedah yang sangat berkesan dilakukan oleh banduan dalam mempengaruhi seseorang anggota Jabatan Penjara Malaysia supaya menuruti kehendaknya. Banduan akan mempengaruhi anggota melalui kaedah ini tanpa disedari oleh anggota yang terlibat. Tujuan utama banduan adalah untuk mendapatkan kemudahan atau artikel larangan yang melibatkan aktiviti melanggar undang-undang dan peraturan. Oleh itu, semua anggota jabatan perlu didedahkan dengan kursus ini, bagi membolehkan anggota tersebut mahir dengan kaedah 'conditioning' yang digunakan oleh banduan. Kursus ini merupakan salah satu kaedah pencegahan kepada aktiviti penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara oleh anggota.